

## **Keselamatan insan dan akses pendidikan kanak-kanak warga Indonesia di Sabah**

### **ABSTRACT**

Keselamatan tradisional yang banyak dipengaruhi oleh sarjana fahaman realisme dalam konteks Hubungan Antarabangsa. Kajian keselamatan amat menitikberatkan keselamatan negara daripada sesuatu ancaman ketenteraan daripada negara luar. Berakhirnya perang dingin telah mengubah landskap kajian keselamatan dan lahirnya konsep baharu berkenaan keselamatan yang lebih menyeluruh termasuk keselamatan Insan. Insan merupakan objek yang terdedah kepada pelbagai ancaman seperti penyeludupan manusia, penganiayaan, jenayah gangguan peribadi, penyakit berjangkit, kebuluran, kemiskinan dan gangguan sosial. Wujud fenomena baharu migrasi kanak-kanak asing ke negara lain. Kajian ini bertujuan Kajian ini mempunyai tiga objektif, iaitu; pertama, melihat faktor kewujudan kanak-kanak warga asing di Tawau. Kedua, usaha kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam menyediakan kemudahan pendidikan. Ketiga, ancaman keselamatan insan yang dihadapi oleh kanak-kanak asing di Sabah. Kajian ini menggunakan kaedah temubual di kawasan ladang dan agensi. Juga menggunakan kaedah pemerhatian di kawasan kajian. Kajian mendapati ibu bapa adalah penyumbang utama kepada kewujudan kanak-kanak asing di Sabah kerana dibawa bersama dalam migrasi dan juga yang dilahirkan di Sabah. Kanak-kanak asing perlu mendapatkan hak pendidikan bagi mengelakkan mereka tertinggal dengan arus pembangunan yang semakin pesat di Sabah.